

Filipina yakin rebut pingat emas pertama silat

BERITA HARIAN, 14 May 2005, Page 37

Filipina yakin rebut pingat emas pertama silat

MENJELANG SUKAN SEA MANILA

oleh

Mohd Sani Ali

FILIPINA yakin akan memecahkan tradisi membawa pulang pingat emas pertama dalam acara silat Sukan SEA.

Ini dilahirkan oleh jurulatih asal Indonesia, Suhartono, yang membantu Vietnam menjadi kuasa baru acara silat Sukan SEA Brunei 1999.

Pandangan ini didasarkan oleh Suhartono menyusuli kejayaan Filipina muncul buat julung-julung kalinya sebagai juara keseluruhan kejohanan antarabangsa selepas merebut enam emas di Kejohanan Pencak Silat Terbuka Perancis pada bulan lalu.

“Kini dengan pencak silat menawarkan 17 pingat emas untuk direbut, kami yakin peluang kami untuk merebut pingat emas pertama dari Sukan SEA berada dalam jangkauan,” jelas jurulatih itu kepada lelaman Sukan SEA Manila.

“Penambahan acara ini pasti meningkatkan peluang Filipina. Kami akan dapat menurunkan para pesilat terbaik untuk tiga kategori berkenaan,” tambah Suhartono yang kini bertugas untuk tahun keempat di Manila.

Jurulatih ini merupakan orang bertanggungjawab membentuk Vietnam sebagai pasukan terkuat dan beliau meninggalkan Hanoi selepas kontrak lima tahunnya tamat.

Suhartono kemudian kembali ke Jakarta dan berjaya membantu Indonesia memungut 14 pingat emas di Kejohanan Silat Dunia 2002.

Jurulatih berpengalaman itu kemudian berjaya membentuk skuad Filipina yang berwibawa dan ini dibuktikan apabila mereka pulang buat jujung-jujung kali dengan pingat emas dari Kejohanan Dunia di Singapura pada tahun lalu.

Walaupun Chistopher Yabut menang teknikal kerana lawannya dari Belanda menarik diri selepas cedera di separuh akhir, namun keupayaan pesilat Filipina dibuktikan apabila mereka memungut enam emas di Terbuka Paris.

“Kejohanan ini menampilkan pesilat terbaik dari Eropah dan Asia termasuk Malaysia, Thailand dan Singapura,” jelas setiausaha agung Persekutuan Pencak Silat Filipina (PSF), Datu Abdil Nasser Kiram.

“Kami mahu meninjau keupayaan para pesilat kami dan kami bangga dengan pencapaian mereka,” tambah Datu Abdil Nasser yang turut berterima kasih kepada Yayasan ‘First Gentlemen’ dan para usahawan yang telah membantu mereka menghantar rombongan ke Paris.

“Kami yakin dan berazam untuk mencatatkan keputusan yang lebih baik di Sukan SEA nanti,” tegas beliau.